

---

## PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR)

---

**Bilangan 11 Tahun 2020**

### **KADAR BAYARAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR YANG DIBENARKAN KEMBALI KE KAMPUS SEMESTER MAC-OGOS 2020**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan kadar bayaran kolej kediaman kepada pelajar-pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pada 3 Jun 2020, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Surat Pemakluman Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi dan Edaran Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19 telah menggariskan bahawa semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020 kecuali bagi beberapa kategori pelajar.
3. Bahagian Hal Ehwal Akademik melalui Pekeliling Akademik Bilangan 11 Tahun 2020 bertarikh 18 Jun 2020 telah mengenal pasti lapan (8) kategori pelajar UiTM yang termasuk di dalam pengecualian yang dinyatakan oleh pihak Kementerian dengan tarikh hadir ke kampus UiTM secara berperingkat seperti dalam jadual berikut:

Kategori Pelajar	Semester Pengajian	Penerangan Kategori Pelajar	Tarikh Mula Perkuliahan Semester (Secara ODL)	Dibenarkan Hadir Ke Kampus Secara Berperingkat Mulai	Tarikh Akhir Perkuliahan Semester
1	Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020)	Pelajar UiTM / IPT Lain Yang Menjalankan Latihan Industri (LI) Di Kampus UiTM	-	10 Jun 2020	23 Ogos 2020

Kategori Pelajar	Semester Pengajian	Penerangan Kategori Pelajar	Tarikh Mula Perkuliahan Semester (Secara ODL)	Dibenarkan Hadir Ke Kampus Secara Berperingkat Mulai	Tarikh Akhir Perkuliahan Semester
2	Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020)	Pelajar Pascasiswazah Mod Penyelidikan <b>DAN</b> Pascasiswazah Mod Campuran (Yang Berada dalam Fasa Penyelidikan)	13 April 2020	10 Jun 2020	23 Ogos 2020
3	Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020)	Pelajar Yang Terlibat Dengan Kuliah 3B	13 April 2020	01 Jul 2020	23 Ogos 2020
4	Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020)	Pelajar Berkeperluan Khas	13 April 2020	01 Jul 2020	23 Ogos 2020
5	Sesi II 2019 / 2020 (Mac-Ogos 2020)	Pelajar Tahun Akhir Yang Menduduki <i>English Exit Test</i> (EET)	-	10-13 Ogos 2020	-
6	Sesi I 2020 / 2021 (Jul-Nov 2020)	Pelajar Baharu Asasi <b>DAN</b> Program Profesional CAT / ACCA	13 Julai 2020	5 Ogos 2020	22 Nov 2020 / 11 Dis 2020
7	Sesi I 2020 / 2021 (Okt 2020 – Feb 2021)	Pelajar Baharu Pra-Diploma, Diploma <b>DAN</b> Semester 1 Sarjana Muda	12 Okt 2020	12 Okt 2020	23 Feb 2021
8	Sesi I 2020 / 2021 (Okt 2020 – Feb 2021)	Pelajar Semester / Tahun Akhir Diploma / Sarjana Muda Yang Tidak Mempunyai Akses Yang Diperlukan Dan Persekitaran Tidak Kondusif Bagi Melaksanakan PdP Dalam Talian <b>DAN</b> Pascasiswazah Mod Penyelidikan <b>DAN</b> Pascasiswazah Mod Campuran (Yang Berada Dalam Fasa Penyelidikan)	12 Okt 2020	12 Okt 2020	23 Feb 2021

**Nota:** Semua pelajar kategori 4, 6, 7 dan 8 akan meneruskan PdP secara *Open and Distance Learning* (ODL) di dalam kampus UiTM dengan peratusan kecil secara bersemuka.

4. Sebagai persediaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menyediakan pelan penempatan kolej kediaman kepada pelajar-pelajar berkenaan setelah mengambil kira pengoperasian kolej-kolej kediaman pada tahap 50% daripada muatan asas.

5. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 17/2020 bertarikh 10 Jun 2020 telah meluluskan kadar bayaran kolej kediaman bagi pelajar-pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus.

## PELAKSANAAN

6. Pelajar yang berada dalam kategori 1, 2, 3, 4 dan 5 akan dikenakan caj kadar rata sebanyak RM100.00 untuk sekali caj sepanjang menginap di kolej kediaman.

7. Pelajar selain daripada kategori di perenggan 6 akan dikenakan bayaran kolej kediaman seperti sedia ada.

8. Pelajar akan diberi pilihan untuk membayar caj dobi berjumlah RM5.00 (sekali caj sahaja) jika memerlukan bantal, sarung bantal dan cadar.

#### **TARIKH DIKELUARKAN**

9. Pekeliling ini dikeluarkan pada 29 Jun 2020.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

#### **PEMAKAIAN**

11. Pemakaian pekeliing ini adalah untuk pelajar dalam kategori 1, 2, 3, 4 dan 5 yang akan menginap di kolej kediaman UiTM bagi mengikuti kuliah secara bersemuka dan *Open and Distance Learning* (ODL) di dalam kampus.

12. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Akademik Bilangan 11 Tahun 2020 bertarikh 18 Jun 2020.

13. Pekeliling ini terpakai bagi semester Mac-Ogos 2020 sahaja. Kadar bayaran kolej kediaman sedia ada akan terpakai semula selepas semester Mac-Ogos 2020.



**PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan  
Pengarah Pembangunan Pelajar  
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)  
Pengetua Kolej Kediaman  
Pengurus Asrama Kolej Kediaman  
Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)  
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)  
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK.6/5)  
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 11/2020